



**TEKS UCAPAN
YBRS.TUAN SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN MOHD
NOOR S.M.S A.M.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 10/2019**

**27 OKTOBER 2019, RABU
09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

Yang Berbahagia Dato' Dr. Juhari Bin Ahmad,
Timbalan yang Dipertua MPS

Yang Berusaha Tuan Haji Azhar Bin Samsuri
Penolong Setiausaha Majlis Perbandaran Selayang

Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis Bil. 10 /2019 bagi bulan Oktober pada pagi yang berbahagia ini.
2. Pertamanya, seperti semua sedia maklum, ini merupakan kali pertama saya berucap sebagai Yang Dipertua MPS yang baru di dalam Mesyuarat Penuh Majlis. Dan sebelum saya meneruskan ucapan pada pagi ini, saya mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada tuan puhan untuk kita bersama-sama melontarkan cadangan, berkongsi pendapat dan idea bagi menambahbaik mutu perkhidmatan perbandaran MPS ini.

PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN

3. Untuk makluman, sehingga 30 September 2019, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2019 sebanyak RM91.42 juta (88.76%) daripada RM103 juta.
4. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak RM 4.84 juta (69.07%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM7 juta.
5. Pihak majlis juga telah mengeluarkan notis (Borang E) kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan cukai taksiran pada 1 September 2019. Selain itu juga, sebanyak 49,977 notis telah dikeluarkan dan tempoh tamat pada 30 September 2019. Tindakan waran tahanan bernilai RM 100.00 telah dilaksanakan kepada pemilik yang masih mempunyai tunggakan bermula 1 Oktober 2019.

6. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik layak diberi pertimbangan pengurangan waran tahanan bagi bayaran secara penuh atau ansuran.
7. Dan untuk makluman, segala maklumat mengenai kelayakan pembatalan boleh diperolehi di kaunter bayaran cukai taksiran MPS.

RANCANGAN TEMPATAN (PENGGANTIAN) 2030 MPS

8. Untuk makluman semua, bermula 23 hingga 25 Oktober 2019 yang lalu, MPS telah menganjurkan satu bengkel untuk menyemak Laporan Analisis dan Strategi Pembangunan (LASP) bagi Rancangan Tempatan MPS (Penggantian) 2030 yang telah disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar bersama pihak konsultan.
9. Laporan analisis ini penting dalam Penyediaan Rancangan Tempatan MPS (Penggantian) 2030 sebagai panduan kepada MPS , Stakeholder dan masyarakat di perbandaran Selayang dalam menentukan corak pembangunan semasa dan akan datang di dalam kawasan pentadbiran MPS. Laporan ini juga dapat membantu MPS untuk mengenalpasti dan mewujudkan koridor pembangunan yang bersepadu dan mampan yang terdiri dari koridor perindustrian, pusat petempatan, serta mewujudkan pusat perdagangan yang berdaya saing serta mewujudkan imej MPS sebagai sebuah bandaraya.
10. Saya dimaklumkan oleh Puan Noriza, Pengarah Jabatan Perancang bahawa masih terdapat lagi data-data dan maklumat yang perlu dikemas kini dan disemak oleh pihak konsultan dan juga jabatan. Jadi saya mahu semua jabatan agar memberikan kerjasama kepada Jabatan Perancang

agar proses ini berjalan lancar dan seterusnya RT MPS 2030 dapat dihasilkan.

AUDIT PENSIJILAN PENSIJILAN ISO/IEC 27001:2013

11. Bermula 29 hingga 30 Oktober 2019, MPS telah menerima kunjungan dari SIRIM QAS ke MPS bagi peringkat pertama Pensijilan ISO/IEC 27001:2013. Untuk makluman Ahli Majlis semua, ISO/IEC 27001:2013 ini adalah persijilan yang melibatkan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di MPS.
12. Bagi Peringkat kedua, sesi audit akan berlangsung pada minggu hadapan iaitu bermula 6 hingga 8 November 2019. Oleh itu saya berharap, Urusetia dari Jabatan Teknologi Maklumat dan Jabatan Korporat serta semua jabatan yang terlibat dapat memastikan segala persiapan di tahap yang terbaik bagi memastikan MPS berjaya diberikan pensijilan.

MAJLIS PERASMIAN PUSAT KITAR STRATA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG & GOTONG ROYONG PERDANA PANGSAPURI MAWAR (A) & TERATAI (B), SELAYANG MULIA

13. MPS akan mengadakan Majlis Perasmian Pusat Kitar Strata MPS dan Gotong Royong Perdana Pangsapuri Mawar(A) dan Teratai (B), di Selayang Mulia pada 3 November 2019. Program ini yang merupakan anjuran bersama JMB Selayang Mulia bertujuan untuk memberi pendedahan kepada penduduk akan kepentingan kitar semula dalam menjaga alam sekitar. Selain itu juga, MPS berharap dengan adanya pusat kitar strata ini dapat menggalakkan

lagi penyertaan masyarakat dalam aktiviti mengitar semula bahan-bahan yang terbuang.

14. Di sini, saya ingin mengambil kesempatan untuk menjemput semua Ahli Majlis, pengarah-pengarah jabatan dan pihak media untuk turut hadir bersama-sama di dalam majlis perasmian tersebut.

KARNIVAL ALAM SEKITAR MPS

15. Seterusnya, pada 16 November 2019 ini, MPS akan mengadakan Karnival Alam Sekitar peringkat MPS di Dataran Setia, Tasik Biru Kundang. Alhamdullilah, program ini telah pun masuk tahun ke-5 penganjurannya, dan pada tahun ini dijangka Karnival ini akan dirasmikan sendiri oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, Tuan Amiruddin Bin Shari.
16. Satu kelainan pada tahun ini, MPS akan bekerjasama dengan Pertubuhan Perancang Malaysia (MIP) untuk mengadakan Program Tanam Pokok yang dinamakan "*Pledge And Plant A Tree 2.0*'. Menariknya tentang program ini, orang ramai berpeluang untuk memberi sumbangan melalui tajaan wang ringgit dan menanam sendiri pokok mereka di kawasan yang dipilih. Pokok-pokok ini seterusnya akan dilabel dengan maklumat penaja dan tumbesarananya akan dipantau oleh pihak MIP. Bagi program ini, pihak MPS bersama MIP mensasarkan sebanyak 400 anak pokok akan ditanam pada program tersebut.
17. Oleh itu, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada Ahli-Ahli Majlis agar dapat menwar-warkan kepada masyarakat setempat tentang program ini. Maklumat lanjut boleh diperolehi di laman web MPS.

PROGRAM- PROGRAM SUKAN DAN KEMASYARAKATAN

18. Pada bulan November ini, tiga program sukan dan kemasyarakatan akan berlangsung seperti berikut:

i) Kejohanan Selayang BMX Challenge 2019

MPS bersama Persatuan Berbasikal Negeri Selangor akan menganjurkan Kejohanan Selayang BMX Challenge 2019 di Trek BMX Gua Damai, Batu Caves. Kejohanan ini adalah merupakan penganjuran kali ketiga bagi memperkenalkan aktiviti sukan ekstrem berbasikal di samping untuk memperkenalkan kemudahan infra sukan berbasikal di Gua Damai.

ii) Program Ping Pong Pesta Sukan Gen-S

Selain itu juga, MPS bersama Majlis Sukan Negeri Selangor (MSN) akan mengadakan Program Ping Pong Pesta Sukan Gen-S MPS pada 9 November 2019 ini di Dewan Siantan. Saya dimaklumkan pada tahun-tahun yang lepas, Pesta Sukan Gen-S ini diadakan dengan melibatkan 4 acara sukan serentak. Namun buat pertama kalinya pada tahun ini, MSN telah memberi amanat untuk menganjurkan satu sukan satu PBT.

iii) Kejohanan Sukan Pihak berkuasa Tempatan (PBT) MALA

Seterusnya bermula 14 hingga 16 November 2019 ini akan diadakan Kejohanan Sukan PBT MALA yang akan dihoskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Klang. Kejohanan ini akan mempertandingkan sebanyak 6 kategori acara sukan.

Dan pada tahun ini, MPS akan menghantar 62 orang atlet yang akan mengambil bahagian dalam acara Futsal Lelaki, Karom Berpasukan, Ping Pong Berpasukan dan Tenpin Bowling Ahli Majlis. Saya mendoakan kontinjen MPS akan beroleh kejayaan dalam kejohanan tersebut.

PEMAKLUMAN PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN PERIBADI

19. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengingatkan semua ahli mesyuarat bahawa selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, anda semua diwajibkan mengisi borang yang akan diedarkan dan mengisytiharkan kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan semasa perbincangan.

PENUTUP

20. Seterusnya saya sekali lagi ingin memberi penekanan kepada semua bahawa kita telahpun pun hampir ke penghujung tahun. Jadi saya harap pengarah jabatan dapat memastikan segala perancangan berdasarkan SKT akan atau telah pun dilaksanakan.
21. Dan akhir sekali saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan selamat menyambut Maulidur Rasul kepada seluruh muslimin dan muslimat yang akan diraikan pada 9 November 2019 ini dengan tema "**Negara Rahmah, Ummah Sejahtera**".
22. Dengan kata-kata itu, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.